

1,851 mangsa banjir di Kota Marudu

KOTA KINABALU 20 Jan. - Seramai 1,851 penduduk di sekitar Kota Marudu dipindahkan ke 10 pusat pemindahan berikutan banjir ekoran hujan tanpa henti sejak kelmarin.

Pegawai Daerah Kota Marudu, Luvita Koison berkata, proses pemindahan mangsa banjir tersebut melibatkan 549 keluarga dengan lebih 200 kanak-kanak dari 14 buah kampung.

Katanya, antara kampung yang terjejas akibat banjir adalah Kampung Ongkilan, Kampung Morion, Kampung Kedawaiyun, Kampung Marudu Laut, Kampung Pancur, Kampung Tandek Lama, Kampung, Gorontong, Kampung Moslog, Kampung Kuranji,

Kampung Popok Laut, Kampung Popok Darat dan Kampung Salimandut.

"Semua mangsa telah dipindahkan ke pusat pemindahan seperti di Dewan Morion, Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Tandek, Dewan St. Theresa dan Sekolah Kebangsaan Ranau, Kota Marudu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Luvita, pemindahan penduduk telah bermula sejak pukul 11 pagi kelmarin, setelah air di dua sungai utama di daerah itu iaitu Sungai Pongun dan Bandau mencatat paras bahaya iaitu setinggi lapan meter.

Jelasnya, situasi tersebut mengakibatkan air sungai melimpah dan

membanjiri 14 buah kampung di sekitar sungai tersebut.

Tambahnya, beberapa buah kampung yang berada di kawasan tanah rendah menyebabkan air sungai mudah naik dengan cepat dan berlakunya banjir.

Luvita berkata, tinjauan sekitar pukul 2.30 petang tadi mendapati air mula surut, namun mangsa tidak dibenarkan pulang kerana hujan masih lagi berterusan.

Selain itu katanya, semua pihak berkuasa termasuk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) masih berada dalam keadaan berjaga-jaga.



JALAN di Kampung Salimandut, Kota Marudu, Kota Kinabalu ditenggelami air berikutan hujan lebat yang melanda daerah itu sejak kelmarin. - IHSAN JPAM